



PERSATUAN SAINS MATEMATIK MALAYSIA (PERSAMA)

(Malaysian Mathematical Sciences Society)

d/a Jabatan Sains Matematik

Fakulti Sains & Teknologi

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 UKM Bangi, Selangor D.Ehsan

Tel: 603-89213423/603-89215712, Faks: 603-89254519

Mel-e : maslina@ukm.edu.my, mohdalmie@ukm.edu.my

Web : <https://www.persama.org.my>

TARIKH: 14 JULAI 2025

Semua ahli PERSAMA

Assalamualaikum wbkt

YBhg. Prof./Prof. Madya./Dr./Tuan/Puan,

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN 2024/2025 DAN PENCALONAN PILIHAN RAYA PERSAMA SESI 2025/2026 – 2026/2027

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Mesyuarat Agung Tahunan dan Pilihan Raya Persatuan Sains Matematik Malaysia (PERSAMA) akan diadakan seperti butiran berikut:

Tarikh	: 26 Ogos 2025 (Selasa)
Masa	: 11.00 pagi – 1.00 tengah hari
Kaedah mesyuarat	: Hibrid (fizikal dan dalam talian)
Tempat	: Bangi Resort Hotel, Bandar Baru Bangi, Selangor
Pelantar	: Medium dan pautan mesyuarat akan dimaklumkan melalui emel yang didaftarkan.

3. Agenda bagi Mesyuarat Agung Tahunan adalah seperti berikut:

- i) Pengesahan Minit Mesyuarat Agung 2023/2024
- ii) Perkara berbangkit daripada Minit Mesyuarat Agung 2023/2024
- iii) Pembentangan Laporan Tahunan PERSAMA 2024/2025
- iv) Pembentangan Penyata Kewangan PERSAMA yang berakhir pada 31 Mei 2025
- v) Hal-hal lain yang pemberitahuannya secara bertulis mestilah disampaikan kepada Setiausaha Kehormat sekurang-kurangnya 7 hari sebelum mesyuarat
- vi) Pilihan Raya PERSAMA Sesi 2025/2026 – 2026/2027.

Sila rujuk LAMPIRAN A untuk maklumat lanjut berkenaan jadual perjalanan mesyuarat.

4. Bagi Pilihan Raya PERSAMA Sesi 2025/2026 – 2026/2027, ahli-ahli PERSAMA dipelawa untuk membuat pencalonan bagi jawatan-jawatan berikut:

AHLI MAJLIS PERSAMA

Presiden

Naib Presiden

(2 jawatan)

Setiausaha Kehormat

Penolong Setiausaha Kehormat

Bendahari Kehormat

Penolong Bendahari Kehormat
Ahli Jawatankuasa

(6 jawatan)

SELAIN AHLI MAJLIS PERSAMA

Juruaudit Dalam

(2 jawatan)

5. Borang pencalonan boleh didapati bersama hebahan ini (LAMPIRAN B). Pencalonan-pencalonan yang telah ditandatangani oleh pencadang, penyokong dan calon perlu sampai kepada Pengerusi Pilihan Raya PERSAMA, Prof. Dr. Noriszura binti Ismail melalui emel ni@ukm.edu.my, d/a Jabatan Sains Matematik, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan tidak lewat dari **5 Ogos 2025**.

6. Ahli-ahli PERSAMA juga dijemput untuk menghadiri Bengkel PERSAMA yang akan bermula pada pukul 9.00 pagi. Penceramah jemputan bengkel ini adalah Dr. Noorhelyna Razali (Pensyarah di Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, UKM) dan Dr. Abd Fatah Wahab (Felo PERSAMA 2025 dan mantan Profesor Matematik, UMT).

7. Pihak jawatankuasa program memohon kerjasama ahli-ahli PERSAMA yang ingin hadir untuk membuat pendaftaran kehadiran di pautan <https://tinyurl.com/yz8yb8cj> selewat-lewatnya pada **5 Ogos 2025** untuk kehadiran fizikal dan **19 Ogos 2025** untuk kehadiran dalam talian bagi membantu melancarkan urusan program dan jamuan.

8. Kehadiran dan sokongan daripada pihak YBhg. Prof./Prof. Madya./Dr./Tuan/Puan amat kami hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian. *Wassalam*.

Yang benar,



Dr. Mohd Almie bin Alias
Setiausaha Kehormat PERSAMA

**BENGKEL & MESYUARAT AGUNG DAN PILIHAN RAYA PERSAMA
2024/2025**

26 Ogos 2025 (Selasa)

ATURCARA

- | | | |
|-------------------------------|---|--|
| 8.45 pagi – 9.00 pagi | : | Pendaftaran |
| 9.00 pagi – 10.00 pagi | : | Bengkel 1
Dr. Noorhelyna Razali (FKAB, UKM)
Tajuk: <i>Daripada Persamaan kepada Penyelesaian:
Kuasa Kaedah Berangka dalam Kejuruteraan.</i> |
| 10.00 pagi – 11.00 pagi | : | Bengkel 2
Dr. Abd. Fatah Wahab (Felo PERSAMA 2025 dan
mantan Profesor Matematik UMT)
Tajuk: <i>Persatuan Matematik Malaysia: Ruang dan
Peluang.</i> |
| 11.00 pagi – 1.00 tengah hari | : | Mesyuarat Agung PERSAMA Sesi 2024/2025
Pilihan Raya PERSAMA Sesi 2025/2026 – 2026/2027 |
| 1.00 tengah hari | : | Jamuan dan program tamat |